



EDISI JANUARI 2025

# BULETIN PETALING JAYA

## AMANAT TAHUN BARU 2025 DATUK BANDAR PETALING JAYA

Majlis Amanat  
TAHUN BAHARU 2025  
DATUK BANDAR PETALING JAYA

- 07 Januari 2025 (Selasa) • 8.30 Pagi
- Dewan Banquet MBPJ •

Petaling Jaya Bandar Paling Bahagia & Mampan

[www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my)



**ONE DREAM**  
ONE TEAM ONE MALAYSIAN M/S-3

**MBPJ PERKASA PEMBELAJARAN**  
SEPANJANG HAYAT KEPADA 110 PELAJAR M/S-10-11

IMBAS KOD QR UNTUK AKSES  
BERITA PETALING JAYA  
DALAM TALIAN



MALAYSIA  
MADANI

SUSTAINABLE  
DEVELOPMENT  
GOALS

KITASELANGOR



Petaling Jaya Bandar Paling Bahagia dan Mampan

[www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my)

Majlis Bandaraya Petaling Jaya

[pjcitycouncil](#)

EDISI  
PERCUMA

# Isi Kandungan

## Tajuk

## Muka Surat

ONE DREAM ONE TEAM ONE MALAYSIAN

3

PEMALSUAN DOKUMEN SURAT KELULUSAN LESEN PERNIAGAAN

3

AMANAT TAHUN BARU 2025 DATUK BANDAR PETALING JAYA

4-5

MAJLIS KONVOKESYEN TABIKA PERPADUAN DAERAH PETALING SESI 2024-2025

6-7

MBPJ HARGAI KEBAHAGIAAN WARGA PETALING JAYA

8-9

MBPJ PERKASA PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT KEPADA 110 PELAJAR

10-11

PRESTASI KUTIPAN HASIL PELESENAN

12

PEMASANGAN CCTV KE ARAH MEMPERKASA BANDAR SELAMAT

12-13

BENGKEL SASARAN KERJA UTAMA 2025 MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

14-15

PENGURUSAN ADUAN PEMANTAUAN BERTERUSAN MBPJ

16-17

OPERASI PENGUATKUASAAN BERSEPADU BERSAMA RAKAN STRATEGIK MBPJ

18-19

AKTIVITI-AKTIVITI AHLI MAJLIS MBPJ JANUARI

20-31

## SIDANG REDAKSI

[www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my) [f](#) Majlis Bandaraya Petaling Jaya [@](#) [t](#) [v](#) [d](#) [p](#) [jcitycouncil](#)

### PENAUNG

Tuan Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samingon

### PENASIHAT

Hjh. Haniza binti Abdul Hamid

### KETUA PENGARANG

Abdul Hakim bin Khairuddin

### WARTAWAN

Muhammed Azmi bin Yusoff

Nor Sarina binti Lamak

Mohammad Shah bin Badlishah

### JURU GAMBAR

Rusdi bin Mohamed Halik

Intan Khairana binti Md. Zali

Salimey bin Abu Bakar

### PEREKA GRAFIK

Badrul Hisham bin A. Bakar

Abdul Manaf bin Zakaria

Ihfaznur Ashikin binti Hj. Mohammed Arifin

### MAKLUM BALAS DAN CADANGAN HANTARKAN KEPADA

Unit Komunikasi Korporat,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya

☎ : 03-7956 3544 samb. 203 / 205 / 206

✉ : media@mbpj.gov.my





# ONE DREAM ONE TEAM ONE MALAYSIAN

## SEKSYEN 52, 2 JANUARI -

Majlis Bandaraya Petaling Jaya menyambut baik saranan YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), YB Tuan Nga Kor Ming untuk bekerja lebih keras bagi melangkaui tahun 2025 ke arah semangat dan aura *greater HEIGHTS* (*Humility, Ethics, Integrity, Gung-ho, Honestly, Teamwork dan Success*).

Pencapaian ke arah HEIGHTS sangat memerlukan kerjasama semua pihak secara menyeluruh

selain tidak terbuai dengan kejayaan yang lalu. Dengan sikap rendah hati juga, Majlis perlu memperkasa dan berusaha ke arah pencapaian yang lebih cemerlang, melaksanakan tanggungjawab yang terbaik kepada penduduk Petaling Jaya.

Sikap toleransi dan bekerjasama dalam satu pasukan (teamwork) perlu diperkasakan bagi memastikan perkhidmatan untuk rakyat berada dalam keadaan

sentiasa bersiap sedia. Ini kerana, kejayaan yang dicapai bukanlah milik individu namun ianya adalah kecemerlangan secara kolektif.

Bagi memastikan kejayaan dan kecemerlangan ini, Majlis hendaklah merangka perancangan perkhidmatan yang rapi dari pelbagai aspek yang merangkumi pentadbiran sebuah bandar ke arah mampan, lestari dan berdaya saing seiring dengan hasrat Kerajaan Negeri.

## PEMALSUAN DOKUMEN SURAT KELULUSAN LESEN PERNIAGAAN

**JALAN YONG SHOOK LIN, 2 JANUARI** - Majlis telah menjalankan satu operasi di premis perniagaan di Jalan Kilang 51/206, Petaling Jaya yang menjalankan aktiviti perniagaan *Establisymen Makanan* tanpa lesen. Semasa pemeriksaan tersebut, Majlis mendapati pihak syarikat telah menunjukkan surat kelulusan bagi Lesen Kekal daripada Majlis yang telah dikeluarkan kepada syarikat tersebut. Semakan di dalam sistem mendapati bahawa pihak syarikat hanya mempunyai Lesen Sementara *Establisymen Makanan* sahaja dan telah tamat tempoh pada 13 Disember 2024.

Sehubungan itu, Majlis telah menjalankan siasatan dengan memohon salinan (soft copy) surat kelulusan tersebut. Semakan mendapati bahawa premis tersebut telah melampirkan dokumen yang palsu kepada Majlis semasa semakan tersebut. Antara ciri-ciri yang menunjukkan bahawa dokumen tersebut palsu adalah seperti berikut :

- Penggunaan font yang berbeza-beza di dalam surat tersebut.
- Terdapat ciri-ciri bahawa terdapat tulisan yang ditaip dan dilampirkan dan di atas kertas (scanning).

- Penggunaan cop tarikh yang tidak menepati ciri-ciri yang digunakan pihak Majlis dan
- Penggunaan kod surat-menyurat yang tidak tersenarai di dalam MBPJ.

Sehubungan itu, Majlis akan memanggil syarikat tersebut untuk mendapatkan maklumat secara terperinci. Majlis juga akan membuat laporan polis bagi perkara tersebut. Ia sebagai salah satu pengajaran kepada mana-mana pengusaha di luar sana untuk tidak menyalahgunakan dokumen rasmi Kerajaan.



# AMANAT TAHUN BARU 2025 DATUK BANDAR PETALING JAYA

Datuk Bandar menyeru agar warga kerja terus mencari pendekatan baharu untuk meningkatkan prestasi kerja tanpa berasa selesa dengan pencapaian sedia ada.

**JALAN YONG SHOOK LIN, 7 JANUARI** - Majlis Amanat Tahun Baharu 2025 Datuk Bandar Petaling Jaya yang berlangsung di Dewan Banquet MBPJ. Majlis ini telah dihadiri seramai 1,000 warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ).

Dalam amanatnya, Datuk Bandar Petaling Jaya, Tn Hj. Mohamad Zahri bin Hj. Samington menyeru agar warga kerja terus mencari pendekatan baharu untuk meningkatkan prestasi kerja tanpa berasa selesa dengan pencapaian sedia ada.

Beliau menegaskan bahawa usaha ini penting bagi memastikan kecemerlangan dalam membangunkan bandar raya Petaling Jaya serta memberikan perkhidmatan terbaik kepada komuniti.

Datuk Bandar turut mengingatkan warga kerja untuk menyahut seruan Amanat Tahun Baharu 2025 yang telah disampaikan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim.

Dengan semangat baharu 2025, diharapkan MBPJ terus mencapai lebih banyak kejayaan, memberikan impak positif kepada pembangunan negara dan menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat.







# MAJLIS KONVOKESYEN TABIKA PERPADUAN DAERAH PETALING SESI 2024-2025

**S**EKSYEN 52, 10 JANUARI - Seramai 215 orang kanak-kanak berusia enam tahun telah diraikan dalam satu majlis penuh warna-warni sempena Majlis Konvokesyen Tabika Perpaduan Daerah Petaling Sesi 2024-2025 yang berlangsung di Dewan Banquet Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ).

Majlis berprestij itu telah dirasmikan oleh Datuk Bandar Petaling Jaya, Tuan Haji Mohamad Zahri Haji Samingon, yang turut menyampaikan sijil penghargaan kepada para graduan cilik sebagai tanda kejayaan menamatkan sesi persekolahan mereka pada tahun 2024.



Turut hadir memeriahkan majlis ialah Pegawai Perpaduan Daerah Petaling, En. Firdaus Sulaiman serta Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Petaling Jaya, Timbalan Penguasa Bomba 2, Tuan Syed Shahril Anuar Syed Sulaiman.

Suasana majlis dimeriahkan dengan pelbagai persembahan daripada murid-murid Tabika, selain turut menjadi momen bersejarah buat ibu bapa dan penjaga yang hadir memberikan sokongan penuh kepada anak-anak mereka. Majlis ini bukan sahaja meraikan pencapaian anak-anak menamatkan pendidikan awal kanak-kanak, malah menjadi simbol permulaan perjalanan mereka menuju alam persekolahan rasmi di Tahun Satu.

Tahniah diucapkan kepada semua murid Tabika Perpaduan Daerah Petaling atas kejayaan ini. Semoga mereka terus cemerlang dalam pelajaran dan kehidupan yang mendatang.







# MBPJ HARGAI KEBAHAGIAAN WARGA PETALING JAYA

**P**ETALING JAYA, 11 JANUARI - Majlis Bandaraya Petaling Jaya komited menghargai sumbangan dan dedikasi semua pihak dengan menganjurkan Majlis Apresiasi Kebahagiaan Warga Petaling Jaya baru-baru ini.

Majlis yang julung kali diadakan ini dihadiri sekitar 700 orang yang terdiri daripada Ahli Majlis, rakan strategik, wakil agensi kerajaan, swasta, pemaju, persatuan penduduk (RA), rukun tetangga (RT) serta warga kerja MBPJ. Kehadiran semua pihak mencerminkan semangat kerjasama dan kebersamaan dalam mencapai kemajuan di Petaling Jaya.

Objektif penganjuran majlis ini adalah sebagai platform untuk MBPJ menzahirkan penghargaan kepada seluruh warga Petaling Jaya yang sentiasa bersama Majlis dalam merangka, memberi idea serta pelaksanaan dalam setiap aspek pembangunan bandar sehingga membolehkan MBPJ meraih sebanyak 28 anugerah berprestij sepanjang tahun 2024.



Antara pengisian utama majlis ialah segmen perkongsian daripada pemegang taruh MBPJ yang mengupas pelbagai aspek antaranya pendidikan, kesihatan dan keusahawanan. Majlis turut berbesar hati menyampaikan sijil penghargaan kepada majlis perwakilan penduduk dan rakan strategik yang telah memainkan peranan penting dalam memperkukuh hubungan komuniti serta menyumbang kepada kesejahteraan bandar.

Penghargaan ini merupakan tanda penghormatan dan terima kasih MBPJ kepada mereka yang sentiasa menyokong usaha pembangunan mampan di Petaling Jaya.

Majlis akan memperuntukkan RM 8.39 juta untuk pelaksanaan program kemasyarakatan kepada penduduk di Petaling Jaya sepanjang tahun ini. Majlis juga akan memperkasa sebuah komuniti yang selamat, sihat dan bersatu padu serta kaya dengan budaya di Petaling Jaya menerusi tawaran Geran Komuniti *PJ Social Environment Economy Development* (PJ S.E.E.D) dengan peruntukan berjumlah RM 700,000.00.

Selain itu, Majlis akan memfokuskan kepada penambahbaikan kemudahan awam untuk memastikan bandar raya ini menjadi lokasi yang sesuai untuk didiami, bekerja dan dilawati. Ia juga akan memberi inspirasi serta dorongan kepada semua untuk bersama-sama memainkan peranan dan menggembeng tenaga untuk meningkatkan kualiti hidup dan kebahagiaan di Petaling Jaya.





# MBPJ PERKASA PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT KEPADA 110 PELAJAR

**SEKSYEN 52, 15 JANUARI -** Seramai 110 pelajar kurang berkemampuan diraikan dalam Majlis Penganugerahan Sijil Tamat Kursus Program “Lifelong Learning IT (LIT) & Lifelong Learning IT Softskill (LITS) 2024”.

Menyedari kepentingan teknologi maklumat (IT) sebagai medium pembelajaran dan kemahiran masa hadapan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah mengambil langkah proaktif dengan melaksanakan Program LIT dan LITS untuk memperkasa pelajar terutamanya dari golongan B40 termasuk pelajar orang asli.

Program yang berlangsung dari 23 April 2024 hingga 8 Oktober 2024 ini bertujuan menyediakan pendedahan asas kepada penggunaan perisian seperti *Microsoft Office Word, Excel*, dan *PowerPoint*. Inisiatif ini bertujuan membantu pelajar menguasai kemahiran asas IT yang penting untuk keperluan pembelajaran di sekolah dan selepas tamat pendidikan formal.

Datuk Bandar Petaling Jaya, Tuan Hj. Mohamad Zahri Hj. Samingon, dalam ucapannya menekankan bahawa modul program LIT direka khusus untuk keperluan semasa selaras dengan Agenda *Sustainable Development Goals* (SDGs). Program ini juga memenuhi matlamat SDGs ke-4 iaitu Pendidikan Berkualiti.

“Program LIT melibatkan 80 orang pelajar sekolah rendah dari lima buah sekolah di sekitar Petaling Jaya meliputi empat sesi pembelajaran dengan penyertaan 10 tenaga pengajar berpengalaman dari Unit Teknologi Maklumat MBPJ,” katanya.

MBPJ juga memperluas penglibatan pelajar daripada sekolah menengah melalui penganjuran Program LITS dengan penyertaan seramai 30 orang pelajar daripada dua buah sekolah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Lembah Subang dan Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Dato’ Harun yang memberi fokus kepada penyelenggaraan dan pembaikan komputer.

Program yang telah bermula sejak tahun 2021 ini merangkumi lima sesi pembelajaran intensif dan disokong oleh lapan tenaga pengajar berkemahiran tinggi. Pelajar dilatih dalam pemasangan komponen Unit Kawalan Pusat (CPU) dan pengendalian permasalahan komputer serta membekalkan mereka dengan kemahiran praktikal yang relevan.

Pada majlis tersebut, MBPJ turut menyerahkan sumbangan komputer kepada dua buah sekolah menengah yang terlibat dengan Program LITS. Diharapkan dengan adanya program seumpama ini dapat menyuntik semangat pelajar untuk mempelajari dan meningkatkan kefahaman IT demi kegunaan dan manfaat masa hadapan.





## PRESTASI KUTIPAN HASIL PELESENAN

**KELANA JAYA, 15 JANUARI -** Bagi tahun 2024, hasil pelesenan yang telah berjaya dikutip sebanyak RM 32,175,852 berbanding jumlah yang disasarkan sebanyak RM 29,266,560. Ini menunjukkan terdapat peningkatan pada kutipan hasil pelesenan iaitu

sebanyak RM2,909,292 bersamaan dengan 10 peratus daripada jumlah yang disasarkan. Peningkatan hasil pada tahun 2024 adalah disebabkan pembatalan pengecualian caj fi lesen bagi lesen usahawan mikro tahun 2024 oleh Kerajaan Negeri Selangor.

Majlis mengucapkan ribuan terima kasih kepada pengusaha di Petaling Jaya yang telah memperbaharui Lesen Perniagaan pada tahun 2025. Perkara ini telah membawa kepada peningkatan hasil kutipan sebanyak 10 peratus kepada Majlis.

# PEMASANGAN CCTV KE ARAH MEMPERKASA BANDAR SELAMAT

**SEKSYEN 52, 18 JANUARI -** Bagi meningkatkan tahap keselamatan dan keselesaan penduduk Petaling Jaya, MBPJ akan menambah sebanyak 30 unit CCTV mudah alih di sekitar Petaling Jaya berdasarkan kelulusan peruntukan pada tahun 2025. Perkhidmatan sewaan 30 unit CCTV mudah alih ini bertujuan untuk pemantauan keselamatan, jenayah, vandalisme, gelandangan, pembuangan sampah haram serta bencana.

Dengan penambahan lagi 30 unit CCTV mudah alih ini menjadikan Majlis kini memiliki 86 unit CCTV mudah alih secara keseluruhan dengan 56 unit adalah unit kontrak sedia ada.

Terdapat 27 lokasi telah dikenal pasti oleh Jabatan Penguatkuasaan dan Jabatan Perbendaharaan bagi menempatkan CCTV mudah alih ini. Perkhidmatan ini akan berjalan dalam tempoh 36 bulan dengan anggaran kos sebanyak RM 1.7 juta bagi keseluruhan tempoh.

Dengan sistem pemantauan CCTV mudah alih ini, ianya akan dapat membantu Majlis memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada kawasan yang dipantau serta meningkatkan kawalan keselamatan di kawasan Majlis.

Berikut merupakan cadangan lokasi serta kuantiti CCTV mudah alih yang akan dipasang:

| Bil. | Lokasi                              | Kuantiti | Bil. | Lokasi                                    | Kuantiti |
|------|-------------------------------------|----------|------|-------------------------------------------|----------|
| 1    | Jalan SS 20/21                      | 1        | 14   | Jalan PJU 10/5                            | 1        |
| 2    | Depoh kenderaan terbiar Majlis SS 7 | 3        | 15   | Jalan PJU 10/1                            | 1        |
| 3    | Balai Polis Seapark                 | 1        | 16   | Jalan PJU 8/5G                            | 1        |
| 4    | Uptown Kota Damansara               | 1        | 17   | Jalan Selangor                            | 1        |
| 5    | Jalan 51A/229                       | 1        | 18   | Jalan Seksyen 20/14                       | 1        |
| 6    | Jalan SS 2/48                       | 1        | 19   | Medan Selera Jalan 223                    | 1        |
| 7    | Stadium MBPJ SS 7                   | 1        | 20   | Jalan Seksyen 20/7                        | 1        |
| 8    | Jalan SS 20/10                      | 1        | 21   | Jalan PJU 1A/20                           | 1        |
| 9    | Lorong Universiti B                 | 1        | 22   | Kg. Sg. Kayu Ara                          | 1        |
| 10   | Jalan Tanjung SD 13                 | 1        | 23   | PJU 5 The Strand                          | 1        |
| 11   | Jalan PJU 8/2                       | 1        | 24   | Jalan SS 22/19                            | 1        |
| 12   | Jalan PJS 2/3                       | 1        | 25   | Taman Rakyat Damai Setia, Damansara Damai | 2        |
| 13   | Jalan PJS 2/1                       | 1        | 26   | Taman Aman                                | 1        |
|      |                                     |          | 27   | Taman Jaya                                | 1        |







# BENGKEL SASARAN KERJA UTAMA 2025 MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

**G**EORGE TOWN, 24 JANUARI - Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah mengadakan Bengkel Sasaran Kerja Utama (SKU) 2025 pada 21 hingga 23 Januari 2025 bertempat di Pulau Pinang.

Bengkel ini diadakan pada setiap tahun untuk memastikan setiap jabatan membuat perancangan kerja melibatkan program/projek/ inisiatif sepanjang tahun 2025 selaras dengan peruntukan kewangan yang diluluskan di samping menilai semua pencapaian sasaran kerja tahun sebelumnya.

Selain itu, bengkel ini turut memastikan Jabatan/Unit melaksanakan projek, program dan inisiatif selari dengan dasar utama Majlis iaitu *Sustainable Development Goals (SDG)*, *MADANI*, *Rancangan Selangor Pertama (RS-1)* dan *Petaling Jaya Smart, Sustainable and Resilient 2030*.

Majlis telah dimohon untuk mencadangkan 5 projek Pembangunan Khas Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor susulan Penilaian Semula pada tahun 2025.

Tiga fokus utama yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah Pembangunan Medan Selera, Pembangunan Pasar Awam dan Pembangunan Taman Awam. Manakala dua lagi cadangan adalah tertakluk kepada Majlis.

Sepanjang bengkel berlangsung, kesemua jabatan telah membentangkan SKU masing-masing bagi tahun 2025. Melalui bengkel SKU ini, Majlis akan memberi fokus menyantuni penduduk Petaling Jaya dan meningkatkan kualiti perkhidmatan teras.

Semoga SKU MBPJ 2025 ini akan dapat menyediakan perancangan yang komprehensif dalam membangunkan Petaling Jaya dan memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada warga Petaling Jaya.





# PENGURUSAN ADUAN PEMANTAUAN BERTERUSAN MBPJ

**S**EKSYEN 52, 26 JANUARI - Prestasi penyelesaian aduan bagi tahun 2024 mencapai 85 peratus dengan aduan selesai berjumlah 18,854 daripada 22,154 jumlah aduan yang diterima. Penyelesaian aduan yang diterima ini adalah bukti komitmen yang tinggi oleh Jabatan di MBPJ dalam menyelesaikan aduan mengikut tempoh yang telah ditetapkan. Ia turut dibantu oleh komitmen pengurusan tertinggi yang turun padang menyantuni pengadu bagi menyelesaikan aduan.



Dalam usaha menyantuni pengadu, Datuk Bandar dan Pengurusan Tertinggi akan turun padang sekurang-kurangnya satu lokasi setiap hari memantau aduan khususnya aduan lampau tempoh (overdue).

Majlis ingin mengingatkan kepada warga kerja Majlis termasuk kontraktor yang telah dilantik agar sentiasa serius dalam tindakan menyelesaikan aduan rakyat dan melaksanakan kerja dengan mematuhi piawaian yang telah ditetapkan.





# OPERASI PENGUATKUASAAN BERSEPADU BERSAMA RAKAN STRATEGIK MBPJ

**JALAN TENGAH, 31 JANUARI -** Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah melaksanakan operasi bersepadu bersama agensi-agensi rakan strategik bagi memastikan tindakan penguatkuasaan yang lebih efektif dan efisien sepanjang bulan Januari 2025.

Antara kolaborasi yang telah dilaksanakan adalah operasi bersepadu bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM). Skop operasi penguatkuasaan secara bersepadu yang dilaksanakan adalah meliputi aktiviti tred seperti kedai runcit, kedai gunting rambut, bengkel membaiki kenderaan, restoran dan barangan lusuh. Sebanyak 4 operasi bersepadu telah dilaksanakan dan pelbagai kesalahan mengikut statistik tindakan seperti berikut :



- a) 91 penahanan warga asing
- b) 9 tindakan kompaun
- c) 17 tindakan notis
- d) 20 tindakan sitaan
- e) 6 tindakan penutupan premis



Kolaborasi operasi bersama rakan-rakan strategik akan diteruskan dalam usaha memastikan pematuhan undang-undang dalam kalangan *stakeholder* Petaling Jaya.

Sehubungan itu, Majlis memohon agar semua pihak sentiasa cakna dan mematuhi segala perundangan yang ditetapkan bagi mengelakkan tindakan penguatkuasaan dilaksanakan.





*Aktiviti – aktiviti*

*Ahli*  
*Majlis*  
*MBPJ*  
**JANUARI**

## PROGRAM KEMBALI KE SEKOLAH GUNTING RAMBUT PERCUMA • 4 JANUARI 2025, TAMAN SRI MANJA



## EDARAN PERIUK DAN SUSU SEMPENA PONGGAL 2025 • 10 JANUARI 2025, SEKSYEN 51A



## ▶ MAJLIS PERASMIAN KECEMERLANGAN PELAJAR DAN KHATAM AL-QURAN • 11 JANUARI 2025, KELANA JAYA



## ▶ MAJLIS APRESIASI KECEMERLANGAN PELAJAR • 11 JANUARI 2025, KELANA JAYA



## PROGRAM "ECO FREE MARKET" • 11 JANUARI 2025, KELANA JAYA



## PERTANDINGAN BOLING KANAK-KANAK BERSAMA AHLI MAJLIS ZON 21 • 12 JANUARI 2025, SUBANG JAYA



## ► PENYERAHAN PERIUK DAN SUSU SEMPENA PESTA PONGGAL • 12 JANUARI 2025, TAMAN SRI MANJA



## ► PROGRAM PENYERAHAN PERIUK PONGGAL • 12 JANUARI 2025, TAMAN DATO' HORMAT



## SERAHAN BUAH LIMAU DAN PAKET ANGPAN KEPADA PENDUDUK • 17 JANUARI 2025, SG. WAY



## “BACK TO SCHOOL 2025” ZON 1 • 18 JANUARI 2025, DAMANSARA DAMAI



## PROGRAM "LOCK AND LEAVE WITH CONFIDENCE" • 18 JANUARI 2025, TAMAN AMAN



## PROGRAM "PLOGGING" TAMAN TASIK BANDARAN KELANA JAYA • 18 JANUARI 2025, KELANA JAYA



## EDARAN ANGPAU DAN BUAH LIMAU DI PASAR PAGI SS 2 • 19 JANUARI 2025, SS 2



## SUMBANGAN BUAH LIMAU DAN PAKET ANGPAU DI PASAR TAMAN PARAMOUNT • 19 JANUARI 2025, TAMAN PARAMOUNT



## LARIAN "EKIDEN SIGNATURE" • 19 JANUARI 2025, KELANA JAYA



## "BACK TO SCHOOL 2025" • 18 JANUARI 2025, SG. WAY



## SUMBANGAN BUAH LIMAU MANDARIN DAN BAKUL MAKANAN • 19 JANUARI 2025, SEKSYEN 8



## PROGRAM EDARAN BUAH LIMAU MANDARIN • 23 JANUARI 2025, TAMAN SRI MANJA



# AHLI MAJLIS ZON 15 SAMPAIKAN BUAH LIMAU MANDARIN KEPADA PENIAGA PASAR BESAR JALAN OTHMAN • 25 JANUARI 2025, SEKSYEN 4



# SUMBANGAN KOTAK MAKANAN DAN KUIH RAYA

## • 25 JANUARI 2025, PETALING UTAMA



# SISTEM PENGURUSAN ADUAN AWAM MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

## SISPAA

 <https://mbpj.spab.gov.my>

## HOTLINE ADUAN

 03-7954 2020

## BILIK GERAKAN BENCANA

 03-7957 4113 Beroperasi 24 Jam

## DATANG SENDIRI / KAUNTER

 Seksyen Aduan Awam,  
Tingkat Bawah,  
Bangunan Annex MBPJ,  
Jalan Yong Shook Lin,  
46675 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan



SILA IMBAS  
KOD QR INI  
UNTUK KE  
LAMAM WEB  
SISPAA MBPJ

APLIKASI  
TELEFON PINTAR



Respons  
Rakyat



ANDROID



iOS



## DITERBITKAN OLEH:

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA  
Jalan Yong Shook Lin  
46675 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan.

## HAK CIPTA TERPELIHARA

Sebarang penerbitan semula di dalam apa jua bentuk penerbitan tidak dibenarkan kecuali dengan kebenaran bertulis daripada MBPJ